



MALAYSIA
KE ARAH PEMIKIRAN
ISLAM

SUBKY LATIF

Diterbitkan oleh
PUSTAKA ZAKRY ABADI
89A, Jalan Raja Muda
Kuala Lumpur. Tel: 988182

SIRI BACAAN UMUM

**Cetakan Pertama 1982
Hakcipta Terpelihara**

M
303.409595
SUK,

**Dicetak Oleh
Percetakan Yusan Sdn. Bhd.
Kuala Lumpur.**

297888

APR

27 FEB 1984

**Perpustakaan Negara
Malaysia**

Bab 1

Apabila program 3M - membaca, menulis dan mengira - satu pendekatan baru dalam dasar pelajaran kebangsaan dilancarkan buat pertama kalinya awal tahun 1982 ini, terdapat tentangan serentak dari masyarakat bukan Melayu terutama masyarakat Cina.

DAP telah menjadikan issue ini sebagai persoalan penting partinya menjelang pilihanraya umum yang akan datang. MCA sekalipun ia adalah kerabat Barisan Nasional yang merancang program itu ikut menyatakan bantahan sebagai satu usaha yang ia nantinya tidak dilihat oleh masyarakat Cina tidak mengambil berat tentang masalah itu. Cuma Gerakan, parti saingan MCA dalam Barisan Nasional tidak memberikan reaksi yang jelas atau bolehlah dikatakan ia membisu seribu bahasa. Ada pihak mengira bahawa sikap berdiam diri itu memungkinkan masyarakat Cina tidak gembira dengannya.

Apakah persoalan pelaksanaan 3M ini akan berjalan seperti yang dirancang atau sebaliknya bergantung kepada ketegasan pemimpin-pemimpin kerajaan yang selayaknya memandang kepentingan negara lebih penting dari kepentingan politik parti.

Apa jua yang berlaku mengenai krisis atas 3M ini, ia adalah hasil dari kelemahan Barisan Nasional dalam melaksanakan program pelajaran khususnya dari sudut mendaulatkan Bahasa Malaysia. Pelaksanaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi yang tunggal sewajarnya berlaku dalam tahun 1957 - sepuluh tahun setelah merdeka seperti yang dimaktubkan dalam perlembagaan negara.

Bagaimanapun sehingga tahun 1982 kerja-kerja ke arah pelaksanaan sepenuhnya tidak juga boleh dijalankan dengan selicin yang dapat. Program 3M adalah dalam rangka pelaksanaan sepenuhnya dasar bahasa tadi dalam bidang pelajaran.

Di sebalik issue yang gagal ini ia adalah mencerminkan suasana kenegaraan di Malaysia itu sendiri. Soal pokok yang menyebabkan pelaksanaan dasar yang telah diterima itu dipertikai lagi ialah penyatuan masyarakat tidak berjalan dan tidak dapat dijalankan.

Malaysia yang mencapai kemerdekaan dengan nama Persekutuan Tanah Melayu atau Malaya dalam tahun 1957 adalah sebuah kawasan yang diduduki oleh masyarakat pelbagai keturunan dan aliran fikiran dan kebudayaan serta agama. Persoalan besar yang dihadapi dari mula lahirnya lagi ialah masalah perkauman seperti yang diistilahkan oleh ilmu politik modern.

Masyarakat majmuk itu tadi tidak berupaya untuk mengistiharkan satu rupa bangsa pada hari kemerdekaannya. Ia tidak dapat melaksanakan penggunaan bahasa rasminya yang belum ada pada ketika itu, dan ia tidak boleh menyatakan apakah identitinya dan kebudayaannya selain dari identiti masyarakat majmuk atau berbilang kaum. Ia hanya dapat berbangga atas keyunikannya kerana punya berbagai kaum, berbagai bahasa dan kebudayaan, dan berbagai agama, lalu hidup bersama.

Ada dua sebab mengapa satu rupa bangsa tidak dapat

diistiharkan pada pagi kemerdekaan diproklamirkan itu. Pertama situasi perkauman itu agak menebal, dan kedua tidak beraninya pemimpin-pemimpin ketika itu untuk bertindak tegas dalam soal yang penting itu.

Dalam hal ini keberanian pemimpin bertindak tegas meletakkan asas penyatuan bangsa itu, cukup dengan persediaan dan tindakan yang tepat dan cekap boleh mengatasi situasi perkauman yang ada sekalipun ia agak tebal.

Oleh kerana perkauman dan takut kepada perkauman itu sendiri lebih menguasai suasana, maka perkauman politik dan politik perkauman terus menguasai Malaysia dari sejak lahirnya hinggalah ke zaman Dasar Ekonomi Baru.

Telah ditakdirkan Allah bahawa kemerdekaan Malaya tidak boleh diperjuangkan oleh bangsa asal yang darinya kemerdekaan itu dirampas oleh penjajah sejak Peringgi masuk Melaka kurun ke 15. Tidak ada salahnya kemerdekaan itu diperjuangkan oleh sekumpulan orang yang mewakili seluruh penduduk satu daerah kawasan yang terjajah. Tetapi British menghendaki kemerdekaan itu diperjuangkan oleh seluruh kaum di Malaya supaya tidak ada kumpulan yang lebih merasa berhak dari yang lain.

Saikologi British itu telah diterima, dan asas kemerdekaan Malaya tadi telah diperjuangkan melalui kehendak saikologi British itu sendiri. Dengan tercapainya kemerdekaan, kerana kemerdekaan itu diperjuangkan bersama oleh orang Melayu, Cina dan India, maka satu rupa bangsa tidak dapat diistiharkan ketika kemerdekaan itu dimasyhurkan hatta bangsa-bangsa itu sendiri nantinya bersetuju mencari satu formula mengenai pembentukan satu rupabangsa itu tadi.

Dari segi logiknya bangsa yang menjadi penduduk Malaysia ialah bangsa Malaysia. Tetapi dari segi hakikatnya ia tidak dapat dilaksanakan begitu. Terpaksa dalam kad

pengenalan rakyat jelata, di ruang rupabangsa tidak dicatitkan nama bangsa itu tetapi ia dicatitkan sebagai 'warganegara'.

Pernah dipertikai oleh Allahyarham Datuk Onn Jaafar di Parlimen tentang rupabangsa itu. Adakah ia cicak, mengkarung atau sebagainya? Dan hujah yang paling popular itu terus menjadi ingatan sejarah. Persoalan itu sesungguhnya satu kemelut bagi bangsa Malaysia itu sendiri.

Bagaimanapun usaha berjalan terus bagaimana masyarakat berbilang kepercayaan dan warna kulit itu boleh disatukan. Semangat kemerdekaan yang sama-sama dicapai tadi membolehkan tiga rumpun bangsa yang menjadi kaum itu bersetuju bahawa masalah yang dihadapi adalah besar dan setiap pihak merasakan masing-masing mesti berkorban.

Latar belakang yang ada pada kaum itu ialah Melayu yang menjadi kumpulan terbesar mungkin punya sejarah tamaddun kebudayaan yang gemilang sebelum kedatangan Islam, tetapi sesudah kedatangan Islam, maka kebudayaan dan cara hidupnya adalah baru. Mereka terpaksa meninggalkan segala corak kebudayaan jahiliah yang diwarisi dari kebudayaan Hindu Seriwijaya dan Majapahit. Mereka menyesuaikan kehidupan mereka dengan kehidupan Islam. Dan mereka merasa kekuatannya terletak kepada keperibadian bumiputera.

Cina pula mempunyai tamaddun yang gemilang di belakang mereka sejak beribu-ribu tahun. Dan demikian juga orang-orang India yang juga bangga dengan sejarah tamaddun yang panjang dan diantara tamaddun yang teragung di Asia.

Latar belakang yang dimiliki oleh setiap kaum terbesar itu menyulitkan wujudnya satu rupabangsa yang kukuh setahun dua selepas merdeka. Tetapi semangat kemerdekaan tadi berjaya membawa masing-masing pihak menerima perlunya diwujudkan satu identiti kiranya mereka

mahu menjadikan Malaysia sebuah negara yang berjaya dan berbangga dengan keupayaannya mengatasi masalah sekalipun masalah itu terlalu berat dipandang dan berat juga dipikul.

Atas asas itu orang Melayu tidak berani hendak memaksakan yang rupabangsa itu mesti Melayu, dan lain-lain kaum pun tidak pula berkeras mahu melanjutkan sentimen kaum masing-masing mesti dipaksakan ke atas kaum lain.

Atas asas dan fahaman itu, maka orang Melayu bersetuju mengenyahkan segala yang boleh mengekalkan imej kemelayuannya. Ia mula tidak mengaku Melayu bila berhadapan dengan orang-orang bukan Melayu dan orang-orang asing dari luar negeri. Ia lebih mudah dikenali dan mengakui sebagai bangsa Malayan atau sekarang Malaysia sekalipun dalam kad pengenalnya dia adalah dicatitkan 'warganegara.'

Orang Melayu bersedia mengubah nama sekolahnya dari Sekolah Melayu kepada Sekolah Umum dan kemudian menjadi Sekolah Kebangsaan.

Pada umumnya diakui bahawa bahasa yang akan menjadi bahasa rasmi ialah bahasa Melayu. Seluruh rakyat dari apa jua keturunan akan menggunakan bahasa itu pada jangka panjang dan jangka pendeknya. Bagi membolehkan lain-lain kaum mudah mempelajari bahasa itu timbul dikalangan rakyat kecenderungan menseragamkan tulisan dalam bahasa Melayu. Sebelumnya tulisan yang dipakai ialah Jawi dan Rumi.

Oleh kerana orang-orang bukan Melayu kebanyakannya adalah bukan Islam, maka mereka tidak tahu tulisan Jawi yang dipinjam dari tulisan Arab. Bagaimanapun baik Islam mahupun bukan Islam pada dasarnya boleh menulis dan membaca Rumi. Untuk itu maka ditentukan bahawa Melayu selepas merdeka hendaklah dikembangkan dan

kenalkan kepada umum melalui tulisan rumi sekalipun tulisan Jawi adalah digunakan juga khususnya sesama orang-orang Melayu dan dalam perkara yang melibatkan agama Islam.

Padahal perkembangan lain-lain bahasa seperti Mandarin, Tamil dan Siam umpamanya, kiranya ada orang luar hendak mempelajarinya, maka ia terpaksa dipelajari dalam atau melalui tulisan bahasa itu sendiri. Jepun tidak menukar tulisannya kepada tulisan Rumi bila ia memaksa orang-orang Melayu belajar bahasa Jepun dalam musim Jepun dulu. Dan seluruh rakyat belajar bahasa itu melalui tulisannya dan ramai dari angkatan zaman itu mampu mempelajarinya.

Dari segi semangatnya, maka tidak ada sebab yang besar mengapa bahasa Melayu tadi harus ditukarkan perkembangannya kepada tulisan rumi saja. Demi rasa tolak ansur dan dengan semangat dan jiwa yang lebih besar maka orang Melayu bersetuju mengutamakan tulisan rumi bagi membolehkan saudara-saudaranya dari kaum lain mudah mempelajari dan menguasai bahasa itu bagi dijadikan bahasa perantaraan.

Lebih jauh dari itu orang Melayu juga bersetuju bahasa itu tidak lagi dikenali sebagai bahasa Melayu. Dalam prosesnya bahasa itu pada peringkat rasmi dalam jangka pendek adalah bahasa negara dan bahasa bagi orang-orang Malaysia. Maka bahasa itu logiknya bukanlah milik orang Melayu saja. Ia menjadi bahasa kepunyaan orang Malaysia, maka ia wajar ditukar namanya kepada bahasa Malaysia bagi membolehkan adanya **sense of belonging** kepada lain-lain kaum.

Tolak ansur yang diterima oleh orang Melayu itu sesungguhnya jauh lebih besar dari keupayaan bangsa Inggeris yang memangnya terkenal diseluruh dunia sebagai bangsa yang bertolak ansur. Inggeris membanggakan dirinya sebagai bangsa yang toleransi. Dalam keadaannya menjadi bangsa yang suka kompromi itu ia tetap mengekalkan

bahasanya dengan nama bahasa Inggeris bila mereka mengambil keputusan bercantum dengan lain-lain wilayah - Scotland dan Ireland - dalam negara apa yang dinamakan Britain atau United Kingdom.

England, Scotland dan Ireland bila bersetuju untuk bercantum menukar nama kepada Britain, dan rupabangsanya British. Tetapi bila bahasa rasmi yang diterima adalah bahasa Inggeris, maka Inggeris tidak ditukar menjadi bahasa British. Ia tetap dengan nama English atau Inggeris. Dalam konteks ini boleh Bahasa Melayu itu dikekalkan sebagai bahasa Melayu disebalik bahasa Malaysia. Tetapi kerana orang Melayu terlalu ghairah untuk membina satu identiti baru dalam negara yang baru merdeka, maka mereka bersetuju mengorbankan nama bahasanya bagi membolehkan lain-lain kaum berkongsi bahasa itu dan kemudian mempelajarinya dengan lebih mudah tanpa ragu-ragu lagi.

Demi mewujudkan satu masyarakat baru hasil dari penyatuan dari berbagai-bagai kaum, maka mereka tidak langsung mempersoal untung rugi dari segi politik, ekonomi dan sosial terhadap pemberian kerakyatan kepada kaum-kaum yang mendatang yang sudah menetap di Malaya beberapa ketika. Sekalipun undang-undang yang membolehkan orang luar yang ada itu menjadi rakyat begitu longgar, demi inginkan satu bangsa baru yang mudah dan segar, maka mereka bersetuju saja terhadap usaha yang dikira boleh merapatkan satu kaum dengan yang lain.

Baik dalam bidang apa saja, orang-orang Melayu sebelum dan selepas merdeka tidak merasa apa-apa cemburu kepada kaum lain. Kiranya ada sedikit rasa syak, rasa itu akan tenggelam dan ditenggelamkan oleh keinginan membentuk satu bangsa Malaysia yang harmoni.

Kiranya terdapat di kalangan orang-orang Melayu yang mempertikai langkah mengorbankan segala sentimen dan kepentingan orang Melayu dan membuka pintu yang luas kepada orang bukan Melayu, maka mereka sendiri akan

diajar oleh orang Melayu. Mereka dikira sebagai perkauman, pelampau, altera dan sebagainya dan tidak mustahil disisihkan dari masyarakat.

Demikian kerasnya kesanggupan orang Melayu untuk mengurangkan sentimen Melayunya demi mewujudkan satu perpaduan yang diidam-idamkan dengan kaum lain. Hanya dengan berbuat demikian, mengendurkan kebanggaan sendiri, maka barulah pihak lain akan mengendurkan kepentingan kaum mereka.

Orang-orang Cina tidak pula ketinggalan dalam sumbangan untuk mencipta satu masyarakat baru yang harmoni itu. Mereka ikut memberikan sumbangan yang besar apabila mereka dapat diterima oleh orang Melayu sebagai saudara dalam satu bangsa baru yang dalam pengolahan itu.

Kiranya kita kaji pelajaran dan pendidikan masyarakat Cina sebelum merdeka, maka kita dapati mereka mampu mendirikan sekolah sendiri dari peringkat rendah hingga ke peringkat sekolah tinggi dan kemudiannya menyambung pelajaran ke universiti di Hong Kong, Taiwan atau Singapura.

Penjajah Inggeris tidak memberikan perhatian kepada sekolah Cina. Orang-orang Cina mengeluarkan perbelanjaan sendiri untuk mengadakan sekolah mereka dan mereka menggunakan sistem dan dasar pelajaran yang asing dari yang diadakan oleh penjajah. Mereka menggunakan dasar dan sukatan pelajaran yang digunakan oleh masyarakat Cina di tempat lain.

Oleh kerana mereka berdikari dalam mewujudkan sekolahnya, maka mereka bebas mengajarkan apa juga jenis pelajaran yang dikehendaki. Dengan demikian orang-orang Cina yang datang dari lain-lain tempat tidak merasa sulit dan tidak merasa asing sepanjang persoalan pendidikan anak mereka sekalipun sekolah mereka tidak mendapat perhatian dan bantuan dari kerajaan.

Dalam masyarakat Malaya yang merdeka, masyarakat Cina menyedari bahawa sekolah yang mereka jalankan selama ini tidak banyak membantu bangsa yang muda ini mewujudkan masyarakat Malaya yang kemudiannya menjadi masyarakat Malaysia. Kerana sekolah-sekolah itu mengajarkan sejarah dan kebudayaan Cina, ilmu alam dan kesusasteraan Cina, ia boleh menjauhkan pula belia Cina dengan belia Melayu dan India.

Orang-orang Cina merasa ia bertanggungjawab untuk memupuk bangsa yang mereka ikut perjuangkan ketika mencari kemerdekaan dari British dulu. Justru itu mereka bersetuju berunding dengan kerajaan untuk menjadikan sekolah mereka sebahagian dari sekolah-sekolah yang ditanggung oleh kerajaan.

Ada diantara sekolah-sekolah Cina itu enggan mengikut kemahuan atau pelawaan kerajaan untuk menjadi sekolah kerajaan. Mereka mahu terus bersendirian bagi membolehkan mereka mengekalkan sistem pelajaran yang terpakai.

Oleh kerana di kalangan masyarakat Cina itu ramai yang bertanggungjawab dan boleh berfikiran rasional, mereka memahami aspirasi baru, maka mereka terpaksa menjunjung langit di bumi yang dipijak.

Mereka menerima dasar pelajaran kebangsaan. Bila dasar itu diterima, sekolah Cina tidak boleh lagi dipanggil sekolah Cina. Ia terpaksa diubah - dari sekolah Cina ke Sekolah Jenis Umum (Cina) dan kemudian menjadi Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina).

Di bawah sistem baru itu sekolah Cina mendapat bantuan kewangan, tetapi mereka menerima bahawa bahasa Cina tidak lagi menjadi bahasa penghantar di sekolah menengah sepuluh tahun selepas merdeka. Hal yang sama ikut diterima oleh sekolah Inggeris dan Tamil. Dalam prosesnya untuk sementara waktu hanya sekolah rendah saja

yang menggunakan bahasa ibunda masing-masing. Manakala mereka naik ke sekolah menengah, maka mereka terpaksa mengikuti pelajaran dalam bahasa Malaysia kecuali dalam mata pelajaran bahasa.

Masyarakat Cina pada umumnya adalah menerima dasar pelajaran kebangsaan itu sekalipun mereka mampu untuk mengadakan sekolah sendiri dengan tidak menerima bantuan dari kerajaan.

Kesediaan masyarakat Cina menerima dasar pelajaran kebangsaan yang hanya membenarkan bahasa Cina diajar sebagai mata pelajaran di sekolah menengah, dan menjadi bahasa penghantar di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, adalah satu bentuk pengorbanan yang besar yang tentunya dibuat demi menyedari dan menginsafi masalah yang dihadapi oleh masyarakat majmuk di Malaya dan kemudiannya di Malaysia.

Ramai bilangan guru-guru Cina yang mempertahankan dasar lama dan menolak dasar baru kerajaan itu telah mendapat kecaman dan tentangan dari masyarakat Cina sendiri. Masyarakat Cina yang rasional telah mengenyepikan mereka dan ramai dari mereka tersisih dari masyarakat.

Demikian juga halnya dengan masyarakat India yang mendiami Tanah Melayu sejak mereka dibawa oleh Inggeris untuk menjadi buruh di ladang-ladang dan pekerja di Jabatan Kerjaraya. Mereka mempunyai sekolah, macam sekolah Melayu, sekadar sekolah rendah. Mata pelajarannya adalah ditentukan oleh masyarakat Tamil sendiri.

Tetapi mereka ikut menerima dasar pelajaran kebangsaan dan menerima program dasar pelajaran itu lalu bersetuju menukar nama sekolah mereka kepada Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil).

Oleh kerana masyarakat Tamil dan perkembangan pelajarannya tidaklah sehebat pelajaran Cina, mereka lebih

memberikan perhatian kepada sekolah Inggeris, malah di India sendiri perhatian lebih tertumpu kepada sekolah Inggeris, maka tidak banyak masalah yang dihadapi oleh masyarakat India berhubung dengan penyesuaian sesudah berada dalam masyarakat Malaya yang merdeka tadi.

Bagaimanapun masyarakat India ikut menyedari masalah dan pengorbanan yang harus diberikan oleh setiap kaum untuk mengendurkan sentimen kaum masing-masing bagi membentuk satu masyarakat Malaya dan Malaysia yang padu dan harmoni.

Sekalipun Dr Mahathir Muhammad dalam bukunya **The Malay Dilemma** menyebut bahawa muafakat antara kaum itu adalah satu 'honeymoon' tetapi sesungguhnya pada peringkat awal sejour sebelum kemerdekaan dan selepas kemerdekaan tanahair kita itu semua pihak memahami dan memberikan pengorbanan untuk mengurangkan rasa dan kemegahan kaum masing-masing bagi menjayakan bangsa Malaya tadi.

Sekalipun rasa perkauman yang berpunca dari rasa banggakan darah bangsa masing-masing, tetapi semua pihak menyedari bahawa rasa itu boleh menyulitkan bangsa dan negara yang baru merdeka itu. Tetapi suatu yang tidak dapat dielakkan bahawa rasa itu tidak dapat dihapuskan langsung secara sekaligus. Kerana rasa itu tidak dapat dipisahkan serta merta dari jiwa masing-masinglah, maka tidak termungkinnya terbentuk satu rupa bangsa bagi rakyat jelata, dan justru itu sementara menunggu satu waktu yang sesuai bagi lahirnya satu rupabangsa tadi, jalan keluarnya ialah menamakan kumpulan rakyat yang menjadi penghuni negara ini sebagai 'warganegara' di ruang rupabangsa di kad pengenalan masing-masing.

Tidak pula boleh dinafikan usaha para pemimpin Perikatan sebelum dan sesudah merdeka untuk mengatasi kekosongan rupabangsa tadi. Mereka mencuba dengan berbagai cara yang terdaya.

Dari sudut politik, parti-parti politik yang bergabung dalam Perikatan dan kemudiannya menukar nama menjadi Barisan Nasional bila lebih banyak parti politik menyertai muafakat itu, berusaha keras mengelakkan tiap-tiap kaum menyentuh masalah kaum lain. Kerajaan melancarkan rancangan pembangunan yang raksaksa dan memberikan kesempatan kepada setiap orang merebutnya tanpa sebarang diskriminasi. Pembangunan itu diharapkan dapat memberikan kemakmuran kepada semua dan bila semua orang makmur maka masing-masing diharapkan akan rukun damai.

Tetapi dalam merebut kemakmuran tadi, sistem ekonomi bebas yang diamalkan itu tidak dapat lari dari tabiatnya membenarkan orang yang berada membolot sebanyak-banyak laba dan kerana perlumbaan itu tiada batasnya, orang-orang yang tidak punya wang dan pengalaman dalam industri dan dagang akan menjadi makanan orang-orang berpengalaman dan banyak modal.

Dalam kontek ini secara kebetulan orang-orang yang ada pengalaman dan punya modal ialah saudagar-saudagar Cina. Dan dimana-mana juga saudagar Cinalah yang lebih banyak mendapat manfaat dari faedah pembangunan. Orang Melayu yang kurang mendapat nikmat di sebabkan oleh kelemahan sendiri tadi terasa bahawa pembahagian rezeki lebih dirasakan oleh satu kaum dari kaum yang lain. Maka pola perkauman ikut merasuk fikiran apabila keadaan ini berlanjutan hingga memperlihatkan satu kaum lebih senang dan lebih kaya dari kaum yang lain.

Perkembangan ekonomi bebas ini kemudiannya melahirkan di tengah masyarakat ada bangsa berniaga, ada bangsa nelayan, ada kaum buruh dan ada kaum bandar dan ada kaum desa dan sebagainya. Pembahagian sedemikian walaupun berlaku disebabkan oleh faktor ekonomi dan geografi, tetapi kebetulan satu-satu kumpulan itu dipenuhi oleh satu kaum tertentu, maka di sini perkauman menguasai suasana.

Perkembangan ekonomi itu disedari dan tidak diatasi secara politik. Ada tindakan politik diambil, tetapi politik itu sendiri lebih dikuasai oleh perkauman juga.

Kerajaan menolak sistem politik sosialis kerana tuan penjajah dari barat dan sahabat-sahabatnya adalah menolak sistem sosialis. Sistem itu ditolak kerana ia boleh memisahkan bekas tanah jajahan dengan bekas penjajah. Dan selain dari itu ialah sistem sosialis dikira sebagai alif, ba dan ta kepada komunisme. Dan sepanjang pengaruh sosialisme berlaku di Malaysia, ia tidak terlepas dari pengaruh perkauman.

Gagalnya Front Sosialis - muafakat antara Parti Buruh dan Parti Rakyat Malaya yang kini menjadi PSRM - adalah disebabkan oleh pengaruh perkauman.

Dari sudut politik, Perikatan dan kemudiannya Barisan Nasional, cuba mengurangkan perkauman itu melalui berbagai parti yang bercorak kebangsaan. Orang Melayu terus menerus berjuang dalam parti yang dianggotai oleh orang Melayu iaitu UMNO, manakala Cina pula menyertai MCA dan MIC bagi orang-orang berketurunan India.

Walaupun parti-parti politik ini bercantum antara satu sama lain dalam Perikatan, tetapi pada peringkat parti masing-masing, ia adalah bebas untuk menentukan garis perjuangan masing-masing. Oleh kerana parti-parti itu adalah memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing mengikut lunas kebangsaan, maka masing-masing menilai pencapaian dan kerugian yang diperolehi mengikut garis dan kacamata kebangsaan.

Orang Melayu akan bebas membincangkan masalah orang Melayu dari kehendak nasionalisma melalui UMNO. Tentunya banyak terdapat kekurangan dan kelemahan. Apabila kelemahan dan kerugian yang berlaku ada kaitan atau berpunca dari kegiatan seorang atau beberapa orang

dari kaum lain, sama dirancang atau tidak disengajakan, maka perbincangan sesama orang Melayu mudah menjelmakan bibit perbezaan dan merenggangkan hubungan antara dua kaum.

Sekalipun ada kesedaran dari kalangan orang-orang Melayu dalam UMNO untuk mengelakkan diri dari menyentuh kaum lain, tetapi perbincangan yang bebas tentunya tidak dapat mengelakkan diri dari menyentuh masalah dan tingkah laku orang lain.

Dan apabila perbincangan dibuat berdasarkan garis nasionalisma, tentunya ia payah bersetuju dengan kepentingan nasionalisma kaum lain. Dalam nasionalisma, tentunya tidak akan bertemu persetujuan antara dua atau lebih kumpulan yang sama-sama mementingkan nasionalisma masing-masing. Kalaulah ditakdirkan ada dua kumpulan nasionalisma dari bangsa atau darah yang berlainan mencapai persetujuan dalam keadaan masing-masing kuat nasionalismanya, maka sudah tentu salah satu daripadanya akan tunduk kepada yang lain. Kalau masing-masing tidak sedia tunduk, persetujuan tidak mungkin dicapai.

UMNO sebagai sifatnya sebuah politik kebangsaan tentunya terpaksa mengkaji kepentingannya dari aspek ekonomi, politik, sosial, kebudayaan, pertahanan, keselamatan, pelajaran dan sebagainya. Ia mesti memastikan bahawa setiap bidang tadi mendatangkan manfaat kepada kumpulannya. Kalau ada di antara bidang itu tidak diperhatikan maka sudah tentu ia akan ketinggalan dengan kumpulan kaum yang lain kerana kumpulan yang lain itu adalah juga memerhatikan bidang yang sama dari segi kepentingan nasionalismanya.

Pada ketika yang sama orang-orang Cina melalui partinya yang juga berjuang atas dasar nasionalisma Cina akan membawa ahli-ahlinya ke satu arah yang sesuai dengan nasionalismanya. Apabila orang-orang Cina berbincang sesama sendiri, dan perbincangan itu dibuai oleh semangat nasionalisma Cina, maka tentunya ia akan menyentuh kaum lain termasuk Melayu.

Hal yang sama tentunya dialami oleh MIC yang ikut berbicara atas kepentingan nasionalisma India sebagai usaha untuk mempertahankan kepentingan orang-orang keturunan India.

Perbincangan-perbincangan untuk memperbaiki diri masing-masing melalui garis nasionalisma mungkin baik sepanjang ia adalah untuk memperbaiki kedudukan masing-masing supaya mereka lebih selamat dan hidup ini agar terjamin.

Bagaimanapun perbincangan di bawah ombak nasionalisma ini apabila telah diayun begitu rupa mudah membawa kumpulan itu membetulkan kemahuannya sendiri dan menyalahkan kumpulan lain.

Bertolak dari perjuangan orang Melayu melalui nasionalismanya mendorong orang Melayu mengambil tindakan untuk memperkemas diri dan mengadakan organisasi-organisasi yang boleh membantu orang Melayu. Dalam hal tertentu badan-badan itu ada pula yang mengawasi kegiatan kaum lain.

Apabila kaum-kaum lain melihat satu kaum bergiat, maka kaum-kaum itu ikut bergiat. Misalnya orang Melayu mengadakan sekolah-sekolah di bawah Institut Teknologi Mara bagi membolehkan pelajar-pelajar Melayu mempelajari segala macam cabang ilmu pengetahuan. Orang Cina bimbang mereka akan ketinggalan lalu mereka pula mahukan sekolah serupa itu juga. Dengan itu lahirlah Kolej Tunku Abdul Rahman.

Boleh jadi niat pembentukan ITM tidak bertujuan untuk menentang sesiapa, tetapi kerana peluang yang sama tidak diperolehi oleh kaum lain, maka timbul rasa syak dari kalangan kaum Cina akan niat orang Melayu. Dengan demikian peranan perkauman menguasai emosi manusia. Dan bila hal ini ditimbulkan oleh orang Cina, orang Melayu pula tersenggong, lalu emosi mereka pula mengganggu.

Bab 2

Sesudah 25 tahun merdeka, sesudah banyak kerja-kerja dibuat bagi merapatkan perpaduan dan majlis-majlis muhibbah dianjurkan, ada baiknya kita mengkaji cara berfikir setiap kaum di negara kita adakah sentimen masing-masing kurang dari ketika kemerdekaan dicapai atau sebaliknya.

Ada tanda-tanda bahawa rasa kemelayuan, kecinaan dan keindiaan masing-masing lebih menebal. Sebagai contoh orang-orang Cina yang selepas merdeka dulu bersetuju menerima dasar pelajaran yang menggunakan bahasa penghantar bahasa Malaysia bagi sekolah menengah jenis kebangsaan, kini berjuang untuk mengadakan universiti yang menggunakan bahasa penghantar Cina.

Sekalipun alasannya ialah kerana tidak ada saluran bagi pelajar-pelajar Cina untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti akibat dari langkah kerajaan Singapura menutup Universiti Nanyang, tetapi mengapa tindakan Lee

Kuan Yew harus menyulitkan keadaan di Malaysia. Kerajaan Singapura tidak berhadapan dengan apa-apa masalah akibat tindakan pemimpinnya, tetapi reaksinya dihadapi pula oleh masyarakat Malaysia.

Apa jua alasan yang diberikan, jelaslah adanya perubahan semangat dikalangan kaum Cina sekurang-kurangnya dalam masalah pendidikan. Kalau dulu masing-masing berusaha untuk mengurangkan gejala yang boleh meningkat rasa sentimen kaum, tetapi akhir-akhir ini terdapat kecenderungan mahu meningkatkan mutu pelajaran Cina melalui sistem pendidikan yang sesuai bagi masyarakat Cina.

Tidak dapat ditolak antara sebabnya ialah adanya dorongan semangat nasionalisma Cina Malaysiannya yang dipupuk melalui politik perkauman yang dibenarkan oleh Perikatan.

Langkah-langkah MCA memperkuat kedudukan parti itu melalui bidang ekonomi dengan mengadakan rantaian supermarket di seluruh negara yang dengan sendirinya mempersulit pertumbuhan peniaga-peniaga kecil dari semua pihak, menyebabkan usaha melatih bumiputera dalam bidang perniagaan melalui perniagaan kecil terus terbantut, Orang-orang Melayu akan merasakan langkah MCA memperkuat ekonominya itu, sekalipun untuk membaiki kedudukan MCA dan ahli-ahlinya, tetapi ia telah mempersulitkan lain-lain kaum untuk merebut nikmat dan rezeki melalui pembangunan negara.

Saingan dan perkembangan kebudayaan dalam masyarakat Cina terutama di kota-kota besar beberapa tahun kebelakangan ini jauh lebih pesat dari yang berlaku ketika kemerdekaan dicapai dulu. Selepas hariraya Cina misalnya kegiatan memungut ampau melalui pasukan tarian naga yang selari dengan amalan tradisi masyarakat Cina agak hebat sekali. Hal-hal ini suatu yang seni dan membanggakan masyarakat keturunan Cina, tetapi jelas ia mempersulit usaha penyatuan bangsa Malaysia.

Berbalik kepada orang Melayu pula, sesudah sekian lama ia memandang liberal terhadap perkembangan bahasa, ia menoleh kembali kepada pelaksanaan yang ada sekarang. Mulai ada pihak yang tidak merasa puas dengan pelaksanaan akta bahasa 1967 yang tidak begitu tegas melaksanakan kehendak kebudayaan negara. Dalam keadaan yang ada wajah kota-kota di negara ini tidak sesungguhnya bercorak Malaysia. Justru itu adalah memalukan Malaysia kiranya wajah kota-kota memiliki wajah kota-kota yang ada di India, Hong Kong atau Paris. Ia mahukan kota-kota memiliki imej Malaysia.

Cara mana ia harus dilaksanakan menjadi pertimbangan. Tetapi yang difikirkan ialah akta bahasa 1967 itu patut dipinda.

Sesudah sekian lama merdeka, orang Melayu mendapati anak-anak mereka sudah tidak pandai lagi menulis dalam tulisan jawi. Malah ramai daripada mereka yang merasa agak sulit untuk membaca Quran semata-mata kerana tidak tahu membaca jawi. Timbul kesedaran mahukan akan-anak itu diajar semula dengan jawi, dan sekolah-sekolah pun digalakkan mengadakan kelas-kelas mengajar tulisan jawi.

Disamping ada kesedaran untuk membaiki diri sendiri di kalangan orang Melayu supaya boleh menggunakan tulisan jawi semula, perkembangan itu setidak-tidaknya ada didorong oleh rasa tidak puas hati terhadap penerimaan lain-lain kaum tentang penggunaan bahasa resmi itu sendiri. Sedikit sebanyak polarisasi kaum ada memainkan peranan terhadap hal ini.

Dari sudut ekonomi, orang Melayu terus menerus merasakan bahawa ia terus tertinggal. Orang Melayu terus tidak boleh menembusi bidang perniagaan akibat kuatnya monopoli saudagar-saudagar yang sudah kukuh. Setiap bidang perniagaan sudah dimonopoli oleh taukeh-taukeh yang sudah berpengalaman lama. Monopoli kumpulan

perniagaan ini memperkuat kedudukan ekonomi orang-orang Cina.

Untuk membincangkan kesulitan itu orang-orang Melayu menganjurkan kongres ekonominya. Kongres demi kongres yang diadakan itu sudah tentulah mereka terpaksa membongkar amalan monopoli itu. Sekalipun bidasan ditujukan kepada golongan monopoli, tetapi kerana yang mengamalkan monopoli itu adalah saudagar Cina, sedikit sebanyak selaran itu menyentuh perasaan orang Cina. Ketika ini sudah sukar untuk memisahkan antara persoalan ekonomi dan kepentingan kaum yang menyentuh politik.

Oleh kerana kongres ekonomi setakat ini diadakan oleh satu-satu kaum-kaum saja, maka kaum lain tidak datang. Sebuah kongres ekonomi yang dihadiri oleh satu kaum, akan bercakap tanpa halangan lagi untuk membidas kaum lain.

Semangat yang dihamburkan dalam bilik persidangan, sekalipun untuk tujuan persidangan semata-mata supaya ia kelihatan berjaya, tetapi panas dan bahangnya terus keluar melalui jendela dan lubang-lubang yang ada di dewan kongres itu. Orang-orang yang hadir tentulah tidak meninggalkan bahang panas kongres itu bila mereka keluar dari pintu dewan. Semangat kongres itu akan terbawa-bawa.

Penyakit yang timbul dari kongres ini pula lazimnya adalah kerana masalah yang dilakukan oleh badan-badan swasta Cina dan bila ditimbulkan oleh orang Melayu, ia tidak dapat jawapan dari orang-orang Cina sendiri. Orang Cina mungkin punya alasan mengapa satu-satu hal berlaku. Tetapi yang menjawab segala masalah itu ialah pembesar-pembesar Melayu. Pembesar yang mahukan populariti, dalam menjawab kadang-kadang menambahkan api. Dengan demikian rasa tidak puas hati itu terus membara.

Dari sudut kebudayaan pula, pertubuhan silat tumbuh begitu pesat. Cara menyambut tetamu kini mulai kembali kepada zaman lampau. Dulu pembesar disambut

dengan acara berbaris saja. Pukulan kompang hanya ada di majlis kahwin. Tetapi sekarang kunjungan Pegawai Daerah ke kampungpun disambut dengan pukulan kompang dan bunga manggar.

Hari demi hari, kemajuan orang-orang Melayu kembali ke arah budaya tradisi itu kian menggalakkan. Perkembangan ini sesungguhnya memperlihatkan keketaraan dengan yang diamalkan oleh masyarakat Cina dan dengan sendirinya ia mempertajam jurang antara Melayu dan Cina.

Kiranya hendak dicongkel satu demi satu, maka banyak benar perkara yang berbangkit. Apa yang diutarakan di atas itu adalah sekadar untuk menunjukkan beberapa contoh yang memperlihatkan perkembangan akhir-akhir ini lebih banyak menonjolkan imej kumpulan masing-masing.

Tidak lengkap kiranya kita tidak memperkatakan sedikit tentang penonjolan masyarakat India sesudah merdeka. Peranan kaum India dalam pendidikan dan kebudayaan tidak penting sebelum merdeka, kerana kebanyakan orang-orang India terpengaruh dengan sistem didikan pelajaran barat. Bilangan orang-orang India yang memakai nama barat pun agak tinggi. Oleh itu mereka lebih mencerminkan orang-orang yang berfikiran barat.

Bagaimanapun sesudah merdeka, kita melihat sekarang orang-orang India mulai bercakap tentang jalan-jalan dan kehidupan orang estet yang lebih baik. Sedangkan hal itu dulunya tidak pernah didengar.

Kita tidak pernah mendengar pelajar-pelajar Tamil membicarakan persoalan bahasa dan kebudayaan. Tetapi sekarang kita sudah dengar adanya kemahuan supaya mutu bahasa Tamil dibaiki dan pengajaran bahasa Tamil di universiti perlu ditingkatkan.

Perayaan orang-orang India kini kian menghairahkan dibandingkan dengan 30 tahun lalu. Orang yang menghadiri

perayaan Thaipusam misalnya jauh lebih besar dari dulu. Ia dirayakan dalam bentuk yang lebih meriah. Boleh jadi yang menyebabkan keagungan itu kerana bertambahnya bilangan penduduk. Tetapi tidak dapat ditolak bahwa bahasa kecintaan terhadap kebudayaan itu sangat tinggi di kalangan masyarakat India.

Kita juga dapat mendengar masyarakat India terus mengemukakan tuntutan supaya diberi cuti atau kelonggaran pada hari-hari yang dianggap penting oleh masyarakat India.

Segala-gala perkembangan itu tidak pula salah, tetapi sedikit sebanyak ia meningkat rasa keindiaan dikalangan masyarakat India. Bila rasa keindiaan itu meningkat, maka ia memperpayah penyatuan antaranya dengan orang-orang yang kemelayuan bertambah tinggi dan orang-orang Cina yang kecinaannya ikut berkembang.

Dari kajian-kajian yang kita dapat lihat tadi, apa jua puncanya, jelaslah situasi sayangkan sendiri itu kian meningkat dan dengan demikian sentimen kaum masing-masing tentulah tambah menebal kini dari waktu merdeka 25 tahun lalu.

Kalau 25 tahun lalu Malaysia tidak mampu mewujudkan satu rupabangsa disebabkan oleh tebalnya sentimen kaum, maka apakah harapan yang ia boleh dilahirkan sekarang dalam suasana rasa sayang kepada kaum masing-masing bertambah tebal. Kalau toleransi dulu hendak diteruskan, maka tentulah jalan untuk melahirkan satu identiti bertambah sulit hari ini dibandingkan dengan ketika kemerdekaan dicapai dulu.

Ini membuktikan bahawa sistem dan pendekatan yang cuba diusahakan oleh kerajaan tidak berjaya sama sekali untuk merapatkan hubungan antara kaum. Dan yang menambah sulitkan lagi ialah kerajaan sendiri lebih merasakan bahawa perkauman yang berkembang itu lebih menjamin kuasa semmentaranya yang ada itu.

Beberapa buah parti perkauman dalam Barisan Nasional mahukan supaya keadaan itu berterusan bagi memastikan yang sokongan rakyat akan terus dipihaknya. UMNO umpamanya akan menggunakan keadaan perkauman itu untuk menakutkan orang Melayu dan dengan demikian pengundi-pengundi Melayu tidak akan lari daripadanya. UMNO akan menggunakan peratus pengundi Melayu yang kian berkurangan itu untuk membimbangkan orang Melayu tentang masa depan mereka, dan dengan itu orang Melayu digesa untuk bersatu dibawah satu parti Melayu saja.

Memang terdapat dikalangan orang Melayu yang takut dan gentar dengan situasi itu dan sekalipun ada dikalangan mereka mulai hilang keyakinan kepada UMNO, tetapi kerana adanya amaran dari UMNO terhadap bahaya orang Melayu berpecah tadi, maka orang Melayu yang bimbang tadi menjadi buntu dan baginya tidak ada pilihan lain melainkan terus menyokong UMNO.

Bila pemimpin-pemimpin UMNO menimbulkan keraguannya terhadap bertambahnya peratus pengundi bukan Melayu itu, dengan sendirinya dalam hujah itu tertanam rasa tidak percaya kepada kaum lain. Ini menambahkan rasa tajam terhadap mereka. Sedikit sebanyak keadaan ini ikut mempertajam polarisasi kaum dalam politik perkauman di Malaysia.

MCA sendiri ikut rentak UMNO itu. Ia juga ikut menggunakan issue perkauman bagi memastikan orang-orang Cina tidak lari daripadanya. Sekalipun dalam beberapa pilihanraya umum yang terakhir ini terdapat kecenderungan pengundi-pengundi Cina tertarik untuk mengundi parti Cina yang tidak terikat kepada parti Melayu, MCA terus kurang sambutan sekalipun ia menggunakan issue perkauman dan mengamalkan perkauman itu sendiri.

Suasana nampaknya tidaklah begitu baik dari Malaysia yang terus tidak padu itu. Sekalipun rakyat telah

memberikan masa selama 25 tahun kepada parti pemerintah untuk terus menerus berkuasa dengan harapan ia boleh menyelesaikan masalah masyarakat majmuk yang diwarisi dari British itu, ternampak oleh kita bahawa Kerajaan masih belum berjaya menyelesaikan persoalan terbesar yang dihadapi oleh negara sejak dari awal lagi.

Dan sekalipun Kerajaan Barisan Nasional diberi 25 tahun lagi kuasa, kiranya pendekatannya sama dengan yang lalu, dan sikapnya adalah sambungan dengan yang lama juga, dan sistem yang akan dipakai adalah lanjutan dari sistem politik lapuk Maciavellisma dan lain-lain isma yang dicipta oleh manusia, maka selama itulah Malaysia sulit untuk mengatasi masalah majmuknya itu.

Kiranya hal ini tidak diberikan perhatian, maka Malaysia tidak dapat mengekalkan kesetabilannya, kerana menebalkan politik perkauman sekarang, adalah lebih bahaya dari situasi 25 tahun dulu. 25 tahun dulu sekalipun perkauman wujud dan tidak setebal sekarang, peratus pengundi Melayu adalah tinggi - lebih 95 peratus. Tetapi sekarang darjah perkaumannya lebih tinggi, peratus pengundi Islamnya lebih satu atau dua peratus saja dari pengundi bukan Islam.

Sehingga ini kita tidak nampak Barisan Nasional mempunyai satu program yang tersusun untuk mengatasi masalah itu. Ia cuba menggunakan teori Dasar Ekonomi Baru yang bercadang bagi mengimbangi pembahagian ekonomi yang lebih adil. Tetapi dalam pelaksanaannya dasar ekonomi baru itu sendiri ikut menyumbangkan penebalan jurang perkauman itu.

Untuk mengatasi persoalan ini rakyat Malaysia terpaksa memikirkan satu formula yang lebih unggul dengan mengajak seramai-ramai rakyat bertoleransi membentuk satu masyarakat Malaysia yang berfikiran Islam.

Dalam konteks ini kita boleh mengemukakan pendapat

dan pandangan dari semua masyarakat dalam negara ini apakah masing-masing mempunyai rasa kasih sayang kepada negara ini dan ingin sama-sama untuk menyelamatnya. Orang-orang yang patriotik tentunya tidak akan teragak-agak untuk menyatakan yang mereka mahu memberikan sumbangan bagi menyelamatkan negara ini dan dengan demikian penduduknya mendapat perlindungan dari sistem dan pemerintahan yang harus dipakai.

Apabila kita mengajak seluruh rakyat dari berbagai kepercayaan itu untuk bertolak ansur, maka tolak ansur yang dikehendaki ialah dalam bentuk fikiran. Orang-orang Islam tentunya tidak dapat melarikan dirinya dari menerima fikiran Islam kiranya mereka mahu menjadi orang Islam yang sejati. Orang Islam yang sejati ialah orang Islam yang tinggi takwanya. Orang yang tinggi takwanya ialah orang yang menerima Islam sebagai cara hidup. Orang yang menerima Islam sekerat - ibadat Islam dan politik dunia - takwanya juga ikut sekerat-sekerat. Dan konsep pemikiran Islam pula terletak kepada menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemunkaran iaitu kejahatan. Orang-orang yang mengaku Islam tetapi tidak kukuh keislamannya sekadar menyeru kepada kebaikan dan tidak mencegah kemunkaran.

Surah Al-Baqarah ayat dua menyebut bahawa "**Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya** (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); **ia pula menjadi petunjuk kepada orang-orang yang bertakwa.**" - Tafsir Pimpinan Ar-Rahman.

Dari ayat ini adalah jelas bahawa orang Islam tidak dapat lari dari beramal dan berfikir secara Islam dan menjadikan Quran itu sebagai panduan.

Tetapi dari segi amalan dan fikiran tadi, tidak dapat hendak dipaksakan kepada orang-orang bukan Islam. Ia hanya boleh dipaksakan kepada orang Islam. Surat di atas adalah satu paksaan atau perintah kepada orang Islam. Suka atau tidak suku ia mesti disetujui.

Al-Quran juga menyarankan bahawa "Tidak ada paksaan dalam agama." Oleh yang demikian tidak boleh orang Islam dan mana-mana juga pemimpin Islam di Malaysia untuk memaksa orang-orang bukan Islam bagi memeluk dan menganut agama Islam. Sebarang langkah memaksa orang bukan Islam untuk memeluk agama Islam adalah bertentangan dengan kehendak Islam.

Tetapi demi muslihat perpaduan dan menjaga masa depan negara saudara-saudara bukan Islam yang ramai itu boleh diajak untuk berfikir secara Islam. Berfikir secara Islam boleh dilakukan tanpa memeluk agama Islam. Kalau boleh kita mahu seluruh rakyat di Malaysia menjadi orang Islam, tetapi kerana Islam tidak mengajar hal itu wajar dilakukan secara paksa, maka apa yang boleh dibuat ialah mengajak mereka memberikan satu bentuk tolak ansur iaitu bersedia untuk berfikir secara Islam.

Orang-orang bukan Islam yang bersetuju menerima konsep berfikir secara Islam boleh terus hidup sebagai orang bukan Islam kalau itu menjadi pilihan. Tetapi kalau pilihannya adalah untuk menghayati Islam terus, adalah satu sikap yang dialu-alukan.

Berfikir secara Islam tentunya tidak menyentuh kebebasan beragama yang menjadi pegangan kita selama ini. Berfikir secara Islam ialah menerima saranan yang baik dan menggalakkan kebaikan, dan yang baik pada Islam itu adalah baik juga kepada umat manusia seluruhnya. Kebaikan itu termasuklah segala kerja-kerja untuk memberikan kemakmuran dan meningkatkan mutu pelajaran, menjaga kepentingan jiran dan sebagainya.

Pada ketika yang sama kita terpaksa menentang keburukan. Ia adalah suatu yang difikirkan bersama oleh semua umat manusia dalam apa aliran fikiran jua seperti menentang pencurian, menentang penindasan dan menentang serba macam penyelewengan.

Hal-hal ini boleh dilakukan oleh orang bukan Islam tanpa menyentuh kepercayaan agama masing-masing.

Kiranya kita boleh menarik perhatian seluruh masyarakat di Malaysia sekarang, adakah kiranya kita sedar bahawa adakah setiap kaum yang merdeka di Malaysia ini sesungguhnya selama ini menganut fikiran tradisional kaum masing-masing. Adakah orang-orang Islam di Malaysia kini sudah sepenuhnya berfikiran Islam? Dan adakah orang-orang Cina seluruhnya berfikiran Cina seperti yang diamalkan oleh orang-orang yang tinggi keperibadian Cina seperti yang terdapat dalam sejarah pendita-pendita Cina yang terkenal dalam zaman peradabannya gemilang dulu.

Dan demikian juga dengan orang-orang India. Adakah mereka sesungguhnya berfikiran secara Hindu seperti yang dianuti oleh Mahatma Ghandi misalnya.

Bukanlah tujuan saya untuk mempersoal kesucian agama masing-masing. Tetapi realiti yang ada ialah kebanyakan orang-orang Islam yang ada sekarang adalah orang Islam yang fikirannya menganuti tamaddun barat. Tamaddun barat adalah tamaddun Kristian dan tamaddun Eropah purba.

Mengapa setengah orang Islam menolak politik Islam adalah kerana fikiran mereka sudah menjadi milik barat. Mereka lebih ghairah dengan politik demokrasi barat dari sistem syura yang ada dalam Islam. Mereka tidak memikirkan al-Quran dan Sunah Rasul adalah panduan politik yang baik. Dalam keadaan yang ada itupun orang-orang Islam yang berfikiran barat itu terus juga merasa puas hati yang mereka itu adalah orang Islam. Untuk membuka mata kita semua ialah orang Islam yang ramai di Malaysia ini tidak merasa dirinya terpisah dengan Islam dengan mereka tergolong dalam kumpulan orang-orang berfikiran barat.

Orang-orang Cina di Malaysia, baik yang kaya dan yang miskin, baik beragama Budha dan apa-apa juga anutan

agama, mereka menganut aliran fikiran barat. Mereka adalah orang Cina dan tidak pernah kecinaan mereka itu dipertikai. Sekalipun ada diantara orang-orang Cina itu sudah menjadi penganut Kristian dengan nama dan kebudayaannya sekali, tetapi ia tetap tidak memisahkan kecinaannya itu. Dan jelas kita lihat mereka bangga dengan Cinanya sekalipun tidak pernah menjejakkan kaki ke negeri Cina.

Boleh dikatakan komunisma adalah suatu yang asing bagi masyarakat Cina. Komunisma mula-mulanya dicetuskan oleh fikiran Yahudi Jerman dan kemudian dijadikan kenyataan oleh Rusia. Jelaslah ia asalnya cara berfikir dan cara hidup orang Rusia. Ia adalah asing bagi China di negeri China. Tetapi mengapa yang asing itu boleh diterima oleh orang China. Malah di Malaysia ini sendiri fikiran asing dari Rusia itu boleh menjadi pegangan kepada setengah orang-orang Cina.

Orang Hindu juga demikian. Mereka menganut agama Hindu, tetapi boleh dikatakan setiap kehidupan dan aliran fikiran para pemimpin orang-orang India adalah menganut aliran fikiran barat. Dan mereka tetap menjadi orang Hindu.

Oleh yang demikian soal Islam itu adalah suatu yang asing atau bukan asli bagi orang-orang India dan Cina, maka lain-lain fikiran yang mereka anut itu juga adalah bukan asli. Kalau yang asing dari aliran fikiran barat dan komunisma boleh diterima, apakah sebabnya Islam yang juga asing tidak boleh diterima?

Demi menjaga masa depan Malaysia yang menjadi tempat duduk dan berteduh kepada semua, maka adalah wajar seluruh kaum memberikan komprominya dalam soal fikiran secara Islam ini.

Seluruh para ahli fikir di dunia, dahulu dan sekarang bersetuju mengatakan bahawa Islam adalah satu tamaddun yang sempurna. Kita tidak bertemu kata-kata yang bulat

mengatakan ada lain-lain tamaddun yang sempurna. Mungkin ada beberapa ahli fikir mengatakan tamaddun Mesir purba sempurna, tetapi akan ada pula ahli fikir lain menghujahnya. Tetapi dalam soal Islam, seluruh ahli fikir bersetuju menyatakan ia adalah tamaddun yang sempurna.

Kita ajak saudara-saudara yang bukan Islam untuk berfikir secara Islam ialah kerana tamaddun Islam itu telah disetujui dan tidak dipertikai sebagai tamaddun yang sempurna. Kerana ia diterima sebagai tamaddun yang sempurna, tentulah tidak wajar orang Islam menganuti aliran fikiran yang lain sesudah aliran fikiran Islam itu sempurna. Tetapi bagi orang-orang bukan Islam tentulah tidak menjadi satu kesalahan besar kiranya kita ajak berada dalam lengkungan berfikir dalam satu tamaddun yang sempurna.

Dalam kontek ini orang-orang Islam sendiri mungkin tidak dapat memberikan jawapan bila ditanya lebih jauh tentang kesempurnaan tamaddun Islam. Kalau ada orang Islam tidak dapat memberikan jawapan, bukanlah kerana Islam itu tidak sempurna, tetapi ialah kerana kejahilan orang Islam itu sendiri tentang agamanya. Justru itu perlulah mereka belajar.

Bila disebut atau diajukan yang seluruh masyarakat Malaysia patut berfikiran Islam, maka ia tentunya tidak boleh diwujudkan selepas membaca buku kecil ini. Atau fikiran Islam itu tentunya tidak boleh diwujudkan esok atau lusa atau selepas mendengar saya berhujah tentang hal ini. Ia memerlukan masa yang panjang. Ia memerlukan banyak kajian. Dan orang bukan Islam sendiri tentunya tidak akan tertarik hanya dengan mendengar rencana ini. Tetapi dengan membanyakkan bacaan dalam buku-buku Islam, dan kemudian mengkaji segala ilmu yang terkandung dalam Islam, dan berbincang dengan para alim ulama, maka sedikit demi sedikit jalan keluar melalui Islam itu boleh ditemui.

Apabila rakyat Malaysia dari berbagai-bagai aliran kepercayaan boleh diajak berfikiran Islam, maka sebahagian

dari masalah perkauman yang ada sekarang boleh diatasi. Dan perkembangan dalam masa sepuluh tahun terakhir ini, bila kita bercakap tentang Islam di universiti-universiti yang ikut didengar oleh orang-orang bukan Islam, ternyata mereka ikut memberikan perhatian dan ada yang mulai bertanya. Ini adalah perkembangan baik dan kiranya diteruskan, maka ia membuka pintu keluar dari kebuntuan yang dihadapi.

Saya sendiri kiranya ditanya bagaimana maksud mewujudkan rakyat Malaysia yang berfikiran Islam ini hendak dilahirkan mungkin tidak dapat memberikan jawapan yang tepat. Tetapi kiranya peluang diberi untuk berbincang dari setahun ke setahun, banyak persoalan boleh ditemui dan diatasi. Soalnya sekarang ialah kita telah memberikan masa 25 tahun kepada Malaysia yang merdeka untuk mengatasi masalah perkauman, tetapi masa 25 tahun yang begitu panjang telah tidak banyak menolong negara mengatasi masalah perkauman itu, sebaliknya masalah perkauman kian mencemaskan.

Dalam kontek ini kalau masa 25 tahun itu diberikan pula kepada usaha membentuk satu masyarakat berfikiran Islam, maka adalah diyakini walaupun tidak sepenuh masalah itu akan terjawab, tetapi banyak perkara dapat diselesaikan kerana penyelesaian itu membuka pintu keluar bagi kebuntuan yang besar itu.

Peluang hendaklah diberikan sepenuhnya kepada golongan yang hendak menyebarkan fikiran Islam bergerak bebas. Mereka boleh bertemu dengan seluruh rakyat bagi menyampaikan fikiran Islam. Seluruh media massa hendaklah memberikan perhatiannya untuk membantu usaha menyebarkan fikiran Islam itu. Menyebarkan fikiran Islam tidak bererti harus menulis tentang agama Islam. Cara penulisan itu hendaklah memberikan jiwa Islam. Bukankah sekarang tanpa disedari kebanyakan media massa di dunia menyebarkan fikiran Yahudi tanpa membincangkan masalah Yahudi. Dan dengan cara inilah yang harus dilalui.

27 FEB 1984